

20 DEC 2002

Mahathir-BN

BN SEDIA BINCANG WAKIL RAKYATNYA KOSONGKAN KERUSI JIKA DIPECAT

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebarang cadangan supaya wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mengosongkan kerusi apabila dipecat daripada parti yang diwakilinya perlu dirujuk kepada Dewan Tertinggi perikatan itu.

"Yang itu (cadangan bagi ADUN atau MP yang dipecat perlu mengosongkan kerusinya) kita akan bawa kepada BN dalam perbincangan jika perkara itu dibangkitkan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata Dewan Tertinggi BN dijangka mengadakan mesyuarat pada bulan depan (Januari) dan akan membuat keputusan mengenainya jika cadangan itu dibangkitkan.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan ADUN atau MP BN yang dipecat perlu mengosongkan kerusi mereka.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT hari ini membincangkan secara mendalam keputusan MCA menggantung keanggotaan dua wakil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang berkecuali ketika BN menolak usul pembangkang pada persidangan DUN Pulau Pinang pada 21 Nov lepas.

Usul pembangkang itu berhubung penangguhan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR).

Presiden Umno itu berkata Umno menganggap tindakan berkecuali dua anggota MCA, iaitu anggota DUN Jawi Tan Cheng Liang dan anggota DUN Datuk Keramat Lim Boo Chang sebagai satu perkara serius.

"Pendapat kita ialah walaupun tindakan seseorang anggota parti ialah tanggungjawab parti, orang ini mewakili BN dan dengan itu BN juga mempunyai peranan dalam menentukan sama ada tindakan penggantungan ini memadai ataupun tidak," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau juga memperolehi maklumat baru mengenai kejadian itu.

Ditanya apakah pendirian Umno mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata berdasarkan kepada maklumat yang ada, perkara itu adalah masalah BN.

"Ini bermakna perkara ini berbeza sedikit daripada apa yang diumumkan dahulu dan ia perlu dirujuk kepada BN dan kita (Umno) akan patuh kepada pendirian BN," katanya.

Dr Mahathir sebelum ini pernah mengumumkan bahawa beliau menyerahkan kepada MCA untuk membuat keputusan dan BN bersedia mengkaji kes itu jika MCA mahu BN membuat keputusan.

Ditanya sama ada MT Umno hari ini berpuashati dengan tindakan MCA menggantung keanggotaan dua wakil rakyat berkenaan, beliau berkata: "MT menimbangkan perkara ini dan berpendapat bahawa perkara ini perlu dirujuk kepada Barisan Nasional."

Dr Mahathir, bagaimanapun, enggan mengulas lanjut apabila diminta menghuraikan apakah maklumat-maklumat baru yang diperolehi berhubung sikap berkecuali dua anggota MCA itu.

"Tak payahlah... kita telah dapat maklumat baru dan kita akan kemukakan kepada BN kerana kita tidak hendak perkara-perkara ini menjadi bahan perbincangan yang akan mempengaruhi pendirian BN," katanya.

Ditanya perlukah hal itu disegerakan, Dr Mahathir menjawab: "Ia hal prinsip."

-- BERNAMA

HS HS PR

